

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2000/2001**

**FEBRUARI/MAC 2001**

**RMK 252 – PENGANTAR PENGURUSAN PROJEK**

**Masa: 3 jam**

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan **ini** mengandungi **TIGA** muka surat yang tercetak dan **SATU** gambarajah sebelum **anda** memulakan peperiksaan **ini**.

Jawab **SEMUA** soalan dari **BAHAGIAN A**, **DUA** soalan dari **BAHAGIAN B** dan **DUA** soalan dari **BAHAGIAN C**.

**BAHAGIAN A (Jawab SEMUA soalan)**

1. Terangkan istilah-istilah berikut dalam konteks pengurusan dan organisasi.

- a) Objektif projek binaan
- b) Prestasi projek binaan
- c) Keberkesanan
- d) Kecekapan
- e) Sinergi
- f) Pengurusan
- g) Pengurusan tahap strategik
- h) Konsep kontigensi
- i) Pengurusan saintifik
- j) Model Birokrasi

**( 20 MARKAH )**

**BAHAGIAN B (Jawab DUA soalan sahaja)**

2. a) Terangkan konsep sistem dan kontingensi.

- b) Bagaimanakah pendekatan **tersebut** digunakan dalam memperkembangkan teori organisasi dan pengurusan?
- c) Bincangkan dengan merujuk kepada konsep di **atas**, keadaan organisasi projek binaan.

**(20MARKAH)**

3. a) Apakah yang dapat **anda** fahami dengan konsep **alam** sekitar dan kaitannya dengan sesebuah organisasi?

Bincangkan ciri-ciri **alam** sekitar am dan **alam** sekitar **tugas**.

Bagaimanakah **pengurus** perlu bertindak dalam suasana **alam** sekitar yang dinamik dan tidak menentu?

(20MARKAH)

4. a) Terangkan pengertian motivasi dan hubungannya dengan kelakuan individu.
- b) Pilih **salah** satu daripada teori-teori motivasi yang telah dipelajari dan bincangkan dengan **memberi** contoh-contoh berkaitan dengan industri binaan.
- c) Dalam teori keperluan hirarki, Abraham **Maslow** menyebut bahawa tahap pencapaian kepuasan di peringkat kesedaran diri (self-actualization) adalah paling **rendah** sekali.

Bincangkan.

(20MARKAH)

5. a) Apakah yang dapat diertikan dengan struktur organisasi?
- b) Bagaimanakah sesebuah organisasi itu boleh mencapai lebih pembezaan dan integrasi yang berkesan ?
- c) Sila kaitkan perbincangan **anda** dengan industri binaan.

(20MARKAH)

#### **BAHAGIAN C (Jawab DUA soalan sahaja)**

6. Sediakan Jadual **Aliran Tunai**, Geraf **Aliran Tunai** dan Keluk Kos Masa berdasarkan **maklumat** projek yang berikut:

Harga Tender	: RM1 ,000,000/-
Margin Keuntungan	: 20%
Tempoh Projek	: 14 bulan
Nilai Simpanan	: 5%
Tempoh membaiki kecacatan	: 6 bulan

Andaikan keuntungan diagih **sama** rata sepanjang tempoh projek dan bayaran kemajuan dibayar sebulan selepas tuntutan.

(20MARKAH)

7. Sediakan satu **carta** garisan seimbang untuk satu skim perumahan berdasarkan butir-butir berikut:

Bil.	Aktiviti	Jam Kerja/Unit	Bilangan Pekerja Setiap Aktiviti
1.	Asas	Jam 140	4 pekerja
2.	Struktur	Jam 300	10 pekerja
3.	Dinding	Jam 160	4 pekerja
4.	Paip	Jam 60	4 pekerja
5.	Elektrik	Jam 60	2 pekerja
6.	Kemasan	Jam 160	6 pekerja

- bilangan unit **rumah** = 120 unit
- kadar output = 4 unit seminggu
- masa perantaraan = 5 hari
- masa kerja 8 jam sehari dan 6 hari seminggu

( 20 MARKAH )


8. **Rajah 1** menunjukkan Rangkaian Kerja untuk sebuah projek tertentu. Nombor aktiviti, jangka waktu aktiviti serta jumlah tenaga kerja yang diperlukan untuk setiap aktiviti adalah seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah** tersebut. Berdasarkan kepada maklumat yang diberi.

- a) Kira dan isikan ruang-ruang kosong dalam **Rajah** tersebut.
- b) Lukiskan Rajah Sumber untuk projek berkenaan berdasarkan:
  - i) **Tarikh** Mula Terawal
  - ii) Araskan semula sumber tersebut

(20MARKAH)

• 000000000 •

RAJAIH 1



**KUNCI:**

2	Bilangan Pekerja
AKTIVITI	Nama Aktiviti
3	Jangka Waktu